

27/02/1999

Azizah mungkin tanding di Kubang Pasu

JITRA, Jumaat - Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak menolak kemungkinan beliau bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum akan datang.

Menurutnya, ia bergantung kepada sokongan penduduk yang beliau dakwa mahu perubahan di kawasan berkenaan.

"Saya akan melakukannya jika itu yang dimahukan penduduk Kubang Pasu. Kuasa terletak pada mereka dan mereka yang akan menentukan...jika penduduk mahu saya bertanding, saya akan memikirkannya," katanya di majlis ceramah anjuran Pas, di markas Pas Kampung Tok Kesob, di sini malam tadi.

Sebelum itu, bekas Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan, Ruslan Kassim ketika berucap menggesa Dr Wan Azizah menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi kerusi Parlimen Kubang Pasu .

Ketika diminta mengulas ucapannya, Wan Azizah yang juga Pengerusi Penaja Angkatan Keadilan Sosial (Adil) berkata: "Semua tidak mustahil...ia seperti anda boleh jadi Timbalan Perdana Menteri suatu hari dan banduan hari berikutnya."

(END)